

## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	26/4/2019	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

# Warga Lembah Klang + Gembira bekalan air pulih lebih awal

**Kuala Lumpur:** Warga Lembah Klang gembira apabila gangguan bekalan air yang diadukan berlarutan hingga 86 jam, pulih lebih awal dengan sebahagian daripada mereka mula menerima bekalan mulai tengah hari semalam.

Tinjauan BH di beberapa kawasan sekitar Ibu kota tengah hari semalam mendapati penggunaan ke-  
daman serta premis perniagaan dan rumah ibadat, gembira dan bersyukur dengan kecekapan pihak yang berkaitan menyelesaikan gangguan berkenaan lebih cepat demi kesejahteraan pengguna.

Bagi pemilik pusat cuci kereta, Halim Muhammad, 56, bekalan air di premisnya terputus sejak jam 8 pagi keaham, tetapi kembali pulih tengah hari semalam.

“Dengan adanya bekalan air, saya menyambung semula operasi dan hanya menutup sehari saja perniagaan. Kami tidak merungut kerana sudah menerima awal notis gangguan bekalan.”

“Tindakan cekap Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) yang berjaya membaikpulih loji rawatan air itu lebih awal daripada dijadualkan wajar dipuji,” katanya di sini, semalam.

Berdasarkan notis pemberitahuan berkenaan gangguan bekalan air susulan kerja penambahbaikan perkakasan kritikal sistem

bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2), pengguna di sekitar Klang, Shah Alam, Petaling, Gombak, Kuala Lumpur, Kuala Langat dan Kuala Selangor dijangka menghadapi gangguan selama 86 jam.

Pesara, Tan Hon Meng, 55, yang menetap di Jalan Klang Lama, pula berkata beliau sekeluarga juga sudah bersiap sedia untuk gangguan bekalan air selama empat hari selepas menerima notis.

## Tak terjejas teruk

“Kami tidak terjejas teruk, gangguan bekalan hanya sehari saja. Pihak yang berkaitan menjalankan kerja dengan baik.”

“Kami bersyukur gangguan bekalan ini tidak berpanjangan kerana keadaan sangat sukar tanpa air,” katanya.

Berkongsi pendapat yang sama, Adawiah Muhaiedin, 25, yang menetap di SS13, Petaling Jaya, juga hanya terputus bekalan air dalam tempoh sehari.

“Gangguan air bermula petang semalam hingga pagi tadi (semalam) saja,” katanya.

Begaimanapun, keadaan berbeza bagi Reavin Kumaran Doraisamy, 23, kerana unit kediamannya di Desa Aman, Pantai Dalam, masih terjejas.

“Gangguan air di kawasan ini sudah berlarutan tiga hari sejak Selasa lalu. Jadi kami terpaksa



**Talhah (Kiri) melihat kolan yang penuh pada tinjauan di Masjid Al-Ikhlasiah, Bukit Kerinchi Kuala Lumpur, semalam.**



**Halim Muhammad**

membasuh pakaian di pusat dobi berdekatan,” katanya.

Penduduk di sekitar Masjid Al-Ikhlasiah, Bukit Kerinchi pula menggunakan bekalan air masjid untuk mandi.

Ketua Iman masjid, Talhah Ab Aziz, 38, berkata walaupun bekalan air turut terjejas ke masjid itu, bekalan dari tangki dan kolan masih banyak.

“Setakat ini jemaah tidak terjejas dengan gangguan air kerana kita



**Tan Hon Meng**

mempunyai dua kolan tadahan dan tangki air. Pihak masjid juga tidak keberatan membolehkan jemaah mandi di sini,” katanya.

Sementara itu penduduk di Klang dan Shah Alam juga gembira apabila bekalan air kembali pulih lebih awal dari jadual.

Penduduk Taman Sri Andalas, Muhd Ali Zakariah, 44, berkata tindakan pantas Syarikat Bekalan Air Selangor (Air Selangor) wajar mendapat pujian kerana tidak

membiarkan masalah bekalan air berlarutan.

“Apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri dan Air Selangor amat bagus kerana mereka memberikan notis gangguan air selama empat hari tetapi bekalan kembali pulih selepas 24 jam sahaja.”

“Rakyat pun tidak perlu pening kepala memikirkan simpanan air untuk tempoh empat hari itu kerana ia tempoh yang agak lama,” katanya.

Seorang pengusaha katering, Mohd Faiz Md Khair, 32 berkata beliau menyimpun bekalan air yang banyak berikutan ada tempahan katering sepanjang tempoh empat hari gangguan.

“Bekalan air terputus kira-kira jam 9.30 pagi semalam (kelmarin) bagaimanapun saya sudah bersedia dengan simpanan air yang banyak dan turut merancang untuk mendapatkan bekalan air di pili awam jika masih tidak mencukupi.”

